

Hospital UMS dijangka mula operasi hujung 2022

4.3.2021

DE 4.3.2021/PJ

KOTA KINABALU: Hospital Universiti Malaysia Sabah (UMS) dijangka akan memulakan operasi menjelang hujung tahun depan.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan berkata hospital itu akan menjadi pusat latihan amali bagi penuntut UMS.

Beliau berkata ia juga akan dibuka kepada orang awam bagi mereka yang ingin mendapatkan rawatan perubatan.

“Hospital dengan kapasiti 400 katil ini akan menyediakan kemudahan kepada awam.

“Kami berharap pembinaan hospital ini akan menjadi pemangkin untuk kesajahteraan rakyat di negeri ini,” katanya kepada media selepas Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pro-Canselor kepada Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Mohd Noor.

Pada majlis itu, Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin menyampaikan watikah pelantikan itu kepada Hajiji di Istana Negeri, pada Rabu.

Hadir sama, Setiausaha Persekutuan Sabah yang baharu, Datuk Dr Zulkapli Mohamed yang menggantikan Datuk Samsuni Mohd Nor.